

Rumah retak makin serius

Ahli Majlis ketengahkan isu



■ Culvert di bawah laluan jalan dilebarkan membawa arus besar semasa hujan.

SELAYANG – Penduduk Taman Rimba Templer, di sini khuatir rumah diduduki mengalami keretakan agak serius susulan kerja-kerja pelebaran Jalan Kuala Lumpur-Rawang, sejak dua tahun lalu.

Disebabkan terdapat longkang besar (culvert) di sebelah bawah laluan jalan berkenaan, hujan lebat dikatakan antara punca keretakan berikutan tolakan air ke rumah penduduk terlibat.

Penduduk yang juga pesara kerajaan, Shahbudin Arshat, 60, berkata, terdapat tiga rumah penduduk berdekatan dengan laluan air tersebut yang retak hingga kini.

“Rumah saya paling terjejas di mana 50 peratus daripada bahagian rumah retak. Saya pernah buat aduan kepada kontraktor terlibat sebelum ini.

“Tetapi jawapan saya terima daripadanya mengatakan kontrak bukan hanya melibatkan pihaknya sahaja, tetapi juga terdapat kontraktor lain,” katanya semasa majlis penduduk bersama Ahli Majlis Perbandaran Selayang



(MPS), Husnal Azhari Sanusi, di Taman Rimba Templer.

Menurut Shahbudin, disebabkan keretakan dinding kediamannya, air melimpah dari kawasan berhampiran ketika hujan lebat sehingga memasuki rumahnya.

Katanya, masalah berlaku menimbulkan kesulitan berikutan barangan dan peralatan rumah seperti karpet, sofa dan barangan elektrik perlu diselamatkan supaya tidak rosak terkena air setiap kali hujan.

“Selepas aduan dibuat, pihak berkenaan membuat batu sangkar untuk elakkan hakisan di laluan anak sungai. Tetapi ia masih tidak mencukupi.

“Kalau boleh kami berharap pihak berkenaan

“Pihak berkenaan buat batu sangkar untuk elakkan hakisan di laluan anak sungai. Tetapi tidak mencukupi.”

- Shahbudin

membantu memperbaiki rumah kami yang mengalami keretakan ini,” katanya.

Menurutnya, selama hampir sepuluh tahun tinggal di kawasan berkenaan, dia tidak pernah mengalami masalah seumpamanya.

Sementara itu, Husnal berkata, pihaknya sebelum ini sudah membawa isu berkaitan dalam mesyuarat bersama MPS awal Disember lalu dan mengenali pasti pihak terlibat dalam usaha mengatasi masalah.

Katanya, antara pihak tersebut adalah seperti MPS, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak pengurusan laluan jalan berkenaan.